

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS  
PADA HARI AHAD, 06 DISEMBER 2020, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)  
SOALAN 1 (A208)**

Merujuk kepada kekalutan ekonomi mutakhir ini, tidak dinafikan bahawa sektor ekonomi di negeri Johor juga turut terjejas terutama peniaga-peniaga kecil di seluruh negeri Johor. Sejauh manakah Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) memainkan peranan membantu PKS di negeri Johor.

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)  
SOALAN 2 (A104)**

Mohon Kerajaan Negeri membantu peniaga-peniaga pasar lambak, pasar malam, bazar dan sebagainya yang terjejas teruk akibat Covid-19. Mohon disediakan pampasan atau alternatif lain agar dapat membantu peniaga-peniaga ini untuk terus bertahan.

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)  
SOALAN 3 (A75)**

Adakah kerajaan negeri mempertimbangkan untuk mewujudkan inisiatif siri kedua bagi membantu para peniaga kecil khususnya yang terjejas dengan PKPB kali ini?

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)  
SOALAN 4 (A145)**

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menggalakkan pekebun kelapa sawit untuk membuat permohonan sijil MSPO?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 5 (A197)**

Bolehkah pihak kerajaan membenarkan pelajar Malaysia yang menuntut pelajaran di Singapura khususnya umur 12 ke bawah supaya mereka dapat di kuarantin di rumah setelah mendapati keputusan Swab Test Negatif?

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 6 (A60)**

Golongan OKU atau rentan antara yang terjejas akibat wabak pandemik ini. Minta dinyatakan peranan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dalam membantu golongan ini agar memastikan golongan ini mampu untuk menjana pendapatan dalam keadaan norma baharu ketika ini?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 7 (A74)**

Sepanjang mengharungi cabaran Covid-19, apakah Jabatan Agama Islam ada membuat kajian semula untuk kelayakan untuk memohon bantuan Baitulmal?

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)**

**SOALAN 8 (A144)**

Berapakah peratus litupan (coverage) capaian Internet ikut mukim di Negeri Johor mengikut kategori wayar (wired) dan tanpa wayar (wireless) sehingga kini? Apakah usaha kerajaan negeri, dengan kerjasama kerajaan pusat untuk meluaskan litupan dan meningkat kelajuan capaian?

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)**

**SOALAN 9 (A153)**

Jalan raya simpang ke Kota Tinggi ke Bukit Tiram di bawah jejantas terlalu teruk, banyak kali sudah dibawa ke perhatian. Keadaan ini akan membawa kemalangan.

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**

**SOALAN 10 (A93)**

Apakah status pembinaan terminal bas di pekan Endau memandangkan perhentian bas yang ada kini sangat dhaif dan tidak selamat?

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 11 (A34)**

Apabila hujan lebat kawasan-kawasan ladang kelapa sawit dan pertanian terutama sekitar Jalan Labis dan Jalan Paloh akan dinaiki air, apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 12 (A105)**

Mohon tambahan peruntukan untuk Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim agar dengan adanya peruntukan tambahan ini, lebih banyak sumbangan dapat disalurkan kepada lebih ramai orang dalam kumpulan sasar.

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**  
**SOALAN 13 (A131)**

PKP dan PKPB menyebabkan sekolah ditutup. Berapakah jumlah pengusaha kantin dan perkhidmatan bas yang terjejas dengan COVID-19, apakah langkah yang dibuat kerajaan negeri?

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)**  
**SOALAN 14 (A212)**

Dari tahun 2019 Sehingga sekarang November 2020, berapakah kekosongan dan jawatan yang telah diisi untuk jawatan tetap Guru Agama Negeri Johor?

**YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 15 (A124)**

Sehingga ke hari ini berapa ramaikah dari 400,000 pekerja Johor yang bekerja di Singapura yang diberhentikan kerja dan apakah tindakan kerajaan Johor dalam membantu mereka terutama dalam keadaan mereka tidak mencarum KWSP dan PERKESO seperti pekerja di Malaysia.

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 16 (A102)**

Mohon dilebarkan jalan dan jambatan (sepanjang Jalan Tun Sri Lanang) di antara Simpang Petronas Jalan Kota Kecil ke Simpang 4 Kampung Makam (Berhampiran Kedai Goodyear), kerana selalu berlaku kesesakan terutama pada waktu puncak dan musim cuti.

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)**  
**SOALAN 17 (A50)**

Nyatakan usaha serta perancangan kerajaan negeri untuk memastikan Program 'Smart City' dapat dilaksanakan ke seluruh daerah dalam Negeri Johor dan daerah mana yang telah dilaksanakan setakat ini?

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)**  
**SOALAN 18 (A43)**

Apakah perancangan, usaha dan strategi untuk menarik pelabur domestik dan luar negara untuk membuat pelaburan ke atas sektor industri hijau di Johor khususnya dalam bidang tenaga yang boleh diperbaharui?

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 19 (A32)**

Tebing Sungai Bekok dan tebing Sungai Temehel berpotensi untuk dijadikan tempat tarikan pelancong. Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk membangunkan tempat tersebut?

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)**

**SOALAN 20 (A155)**

Lampu-lampu jalan banyak tidak nyala terutamanya Pekan Tiram dan ke Felda Bukit Tebrau Kawasan Kampung Oren. Pada malam bahaya kecurian dan samun.

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)**

**SOALAN 21 (A207)**

Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Johor melalui YPJ bagi membantu anak Johor meneruskan pembelajaran semasa pandemik ini bermula bulan 3 sehingga sekarang?

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)**

**SOALAN 22 (A180)**

Cukai harta telah menggantikan cukai pintu dan tidak dijalankan secara menyeluruh oleh PBT daripada 2018 sehingga kini. Apakah inisiatif kerajaan serta PBT bagi mengatasi cukai harta yang tidak saksama di mana ada yang dikenakan cukai harta dan ada yang tercicir?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 23 (A17)**

Berapakah jumlah permohonan Kad Sihat Johor yang telah berjaya mengikut pecahan kategori keluarga, bujang dan kawasan DUN setakat ini?

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 24 (A148)**

Berapakah jumlah permohonan bantuan SKIM Mysalam dan KAD SIHAT serta jumlah peruntukan yang disalurkan melalui program ini di negeri Johor pada tahun 2019 dan setakat Okt 2020? Sila senaraikan mengikut daerah dan kategori penyakit (bagi Mysalam).

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)**

**SOALAN 25 (A162)**

Bagaimanakah agihan Kad Sihat Johor yang merupakan inisiatif kerajaan terdahulu di teruskan oleh kerajaan sekarang, memandangkan ADUN Kawasan walaupun pembangkang tiada maklumat akan jumlah penerima kad sihat di kawasan tersebut.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 26 (A196)**

Nyatakan status perkembangan Kad Sihat bagi tahun 2020 termasuk bilangan penerima dan kos tuntutan bagi tahun 2019 dan 2020 serta rancangan kad sihat bagi tahun 2021.

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 27 (A90)**

Adakah pihak kerajaan sedia menyalurkan sejumlah peruntukan untuk menyediakan kemudahan rekreasi untuk belia di kawasan kampung seperti gelanggang futsal atau gelanggang takraw?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2021) TAHUN 2020**

4.1 Ucapan Penggulungan YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar.

4.2 Ucapan Penggulungan YAB Menteri Besar Johor.

**5. RUNDINGAN / RANG UNDANG-UNDANG -**

5.1 Enakmen Perbekalan (2021) Tahun 2020.

5.2 Rundingan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2021.

5.3 Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2020.

5.4 Rundingan Mengenai Pengecualian Cukai Harta Rumah Kos Rendah dan Pengurangan Cukai Harta Bagi Kategori Bangunan Perumahan, Komersial dan Perindustrian oleh YB Tuan Yeo Tung Siong, Ahli Dewan Negeri Kawasan Pekan Nenas.

**Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.**